# Peguam Muslim yakin kemampuan Abdul Gani

BM 2 0 DEC 2001

KUALA LUMPUR, Rabu - Persatuan Peguam Muslim Malaysia yakin Datuk Abdul Gani Patail mampu melaksanakan tugas sebagai Peguam Negara berdasarkan pengalamannya sebagai Timbalan Kanan Pendakwa Raya.

Presidennya, Zaitoon Othman, berkata sepanjang nienyandang jawatan itu Abdul Gani berjaya mengendalikan peibagai kes jenayah yang rumit dan mencabar, termasuk membabitkan orang kenamaan.

"Kejayaan mengendaiikan kes rumit dan mencabar itu adaiah satu kelebihan pengaiaman dari segi pendakwaan.

"Daiam kes (bekas Timbaian Perdana Menteri) Datuk Seri Anwar (Ibrahim) misainya, ia adaiah rumit dan mencabar. Abdui Gani boleh menimba pengaiaman dan membuktikan kebolehannya," katanya mengulas bantahan parti pembangkang khususnya DAP dan Pas serta badan bukan kerajaan terhadap peiantikan Abdui Chani sebagai Peguam Negara.

Pihak terbabit mendakwa Abdul Gani kurang pengaiaman dan peiantikan itu tidak dibuat mengikut Periembagaan Persekutuan iaitu diumumkan sebelum mendapat perkenan Yang diPertuan Agong.

Pengumuman itu dibuat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Rais Yatim, ketika Yang di-Pertuan Agong waktu itu sedang tenat dan mangkat dua hari kemudian.

Abdui Gani, 46, diiantik sebagai Peguam Negara menggantikan Datuk Seri Ainum Mohd Saaid, yang meletak jawatan atas sebab kesihatan, berkuat kuasa 1 Januari depan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin ialu menyifatkan mereka yang membantah peiantikan Abdui Gani sebagai Peguam Negara, mempunyai motif poiitik.

Perdana Menteri berkata, adaiah tidak adii untuk mempersoalkan kewibawaan Abdul Gani semata-mata beliau mengetuai pasukan pendakwaan daiam kes Anwar dan kes lain yang mendapat pubiisiti meiuas.

Zaitoon berkata, siapa pun yang dipiiih sebagai Peguam Negata periu diberi masa secukupnya untuk membuktikan kemampuan sebenar.